



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

## TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**MAJLIS APRESIASI SEMPENA PAMERAN RAHSIA  
KEBAYA  
ANJURAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA  
MENERUSI MUZIUM TEKSTIL NEGARA**

**19 DISEMBER 2023 (SELASA)**

**LOBI  
MUZIUM TEKSTIL NEGARA  
KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan

**Salam Perlis, “Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”.**

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia **Raja Muda Perlis**, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail,

**Dan Mengadap**

Duli Yang Teramat Mulia **Raja Puan Muda Perlis**, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil

Ampun Tuanku

1. Terlebih dahulu dengan penuh hormat dan takzimnya, patik bagi pihak sekalian yang hadir, merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas **limpah** perkenan **Duli-Duli Tuanku** berangkat **ke** Majlis pada petang yang mulia ini.

**Ampun Tuanku,**

**Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli–Duli Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada sidang hadirin yang hadir pada hari ini.**

**Ampun Tuanku**

## **SALUTASI**

*\*Disediakan secara berasingan*

## **MUKADIMAH**

2. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada petang yang mulia ini dalam **Majlis Apresiasi sempena Pameran Rahsia Kebaya**, pada hari ini.
  
3. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi Muzium Tekstil Negara (MTN) atas penganjuran Majlis Apresiasi yang sangat bermakna ini.

4. Terima kasih juga kepada semua jemputan dan hadirin kerana sudi meluangkan masa bersama-sama dalam majlis hari ini. Sesungguhnya, kehadiran anda amat bermakna dan memeriahkan lagi majlis pada petang ini.
5. Saya difahamkan oleh pihak pengajur, Majlis Apresiasi sempena Pameran Rahsia Kebaya ini diadakan sebagai manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada rakan kerjasama Pameran Rahsia Kebaya yang terdiri daripada pelbagai pihak, sama ada dari Istana Negeri, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Bukan Kerajaan (NGO), muzium persendirian, syarikat korporat dan persendirian serta orang perseorangan.
6. Kerjasama ini bukan sahaja melalui perkongsian maklumat, buah fikiran dan kerja-kerja penyelidikan pameran, malah peminjaman bagi koleksi-koleksi baju kebaya yang dipamerkan. Tanpa sokongan barisan rakan kerjasama ini, pameran ini sudah pasti tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.
7. Majlis ini juga bertujuan untuk menggalakkan interaksi dan memberi penghargaan kepada mereka yang bekerjasama dengan JMM, terutamanya dalam memperkuatkan jaringan. Ia

juga bertujuan untuk membantu dalam pembangunan dan peningkatan dasar, peranan, fungsi, misi, dan visi JMM, khususnya untuk jangka panjang.

## **RINGKASAN PAMERAN & BAJU KEBAYA SEBAGAI WAHANA PERPADUAN DAN IDENTITI NEGARA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Suka saya kongsikan serba sedikit mengenai Pameran Rahsia Kebaya ini. Ia merupakan salah satu pameran sementara di Muzium Tekstil Negara yang mempamerkan keunikan, keanggunan dan kepelbagaiannya busana kebaya yang menjadi identiti nasional rakyat Malaysia. Pameran ini secara eksklusif menghimpunkan sebanyak 60 koleksi baju kebaya milik Jabatan Muzium Malaysia dan pinjaman koleksi rakan-rakan kerjasama pameran ini.

9. Kebaya merupakan pakaian yang melambangkan warisan budaya dan identiti orang Melayu, Peranakan (Cina, Baba Nyonya, Chetti, Siam,) dan masyarakat lain di Malaysia serta negara-negara di Asia Tenggara. Kebaya menepati definisi elemen warisan kebudayaan tidak ketara (WTK) kerana ia

melibatkan kemahiran tenunan tradisional seperti sulaman dan teknik jahitan untuk menghasilkan pakaian wanita tradisional ini.

10. Baju kebaya sangat sinonim dengan rakyat berbilang bangsa negara ini, sama ada kaum Melayu, Cina Peranakan, Chetti, Jawi Peranakan dan Portugis yang menjadikan baju ini sebagai warisan budaya mereka. Bahkan, baju kebaya sering menjadi pilihan ketika menghadiri majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi dan acara perayaan. Namun, di sebalik penerimaan dan pemakaian baju kebaya ini, tersirat sejarah, makna dan simbolik yang tersendiri. Tanpa kita sedar, busana ini merupakan salah satu elemen khazanah warisan negara yang menjadi wahana perpaduan antara kaum dan melambangkan jati diri negara kita.
11. Saya fikir sudah sampai masanya untuk negara kita dikenali bukan sahaja melalui pencapaian ekonomi dan sukan semata-mata, tetapi juga visibiliti dari segi budaya dan warisan kita menerusi imej pakaian tradisional khususnya baju kebaya. Sebagaimana negara jiran budaya serumpun kita seperti Indonesia, Filipina dan Thailand yang cukup bangga menggayakan pakaian tradisional mereka sehingga mampu diidentifikasi di peringkat antarabangsa melalui pakaian dan warisan mereka. Dimanakah kita??, dan untuk sampai ke tahap

sebegitu, ia memerlukan kesepaduan dan komitmen daripada kita semua sama ada daripada golongan pemimpin hingga ke rakyat biasa.

12. Saya yakin dan percaya, perkara ini mampu direalisasikan dan salah satu usahanya adalah melalui pameran seumpama ini. Untuk makluman semua, Kementerian Perpaduan Negara bersama-sama agensi di bawahnya telah melancarkan program “Ini Warisan Kita”, dan inilah antara manifestasi perjuangan dan inisiatif kita ke arah mencapai matlamat tersebut. Warisan busana ini merupakan tradisi yang wajar diperlihara dan dikembangkan semula melalui sokongan kerajaan, pihak badan bukan kerajaan, penggiat industri, pereka dan masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Lanjutan daripada kerjasama melalui Pameran Rahsia Kebaya ini, JMM menerusi MTN berhasrat menggiatkan lagi usaha untuk melebarkan jaringan kolaborasi strategik di peringkat antarabangsa khususnya dengan beberapa institusi permuziuman dan kebudayaan di peringkat rantau Asia Tenggara atau ASEAN pada masa hadapan.

14. Oleh itu, besarlah harapan saya agar segala bentuk penglibatan, kerjasama dan jalinan erat di antara semua pihak diteruskan dan digembling untuk membentuk suatu hubungan yang signifikan bagi faedah jangka panjang kepada KPN, JMM dan pihak-pihak yang terlibat kerana saya berkeyakinan setiap yang diusahakan secara bersama sudah pasti akan membawa hasil yang lebih baik ibarat kata pepatah “asal ditugal ada benihnya”.

15. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada pihak JMM khususnya MTN terhadap penganjuran Majlis Apresiasi sempena Pameran Rahsia Kebaya ini. Semoga segala usaha, kerjasama dan jalinan yang terbina ini akan terus berkekalan.

Ampun Tuanku,

16. Demikianlah sembah ucapan patik.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh.

Menjunjung Kasih Tuanku

Ampun Tuanku